

## ISU-ISU SYARIAH DALAM PENJAGAAN PANTANG WANITA MELAYU

### SHARIAH ISSUES IN THE CONFINEMENT CARE OF MALAY WOMEN

Nur Azlina binti Roslan<sup>1</sup>  
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>2\*</sup>  
Muhd Imran Abd Razak<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia / Penyelaras Operasi, Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Perak, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia (e-mail: azlinajaipk@gmail.com)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia (\*corresponding author, e-mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia (e-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

\*corresponding author

#### Article history

Received date : 9-1-2025  
Revised date : 10-1-2025  
Accepted date : 15-2-2025  
Published date : 20-3-2025

#### To cite this document:

Roslan, N. A., Yusof @ Salleh, M. Y., & Abd Razak, M. I. (2025). Isu-isu syariah dalam penjagaan pantang wanita melayu. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 186-200.

**Abstrak:** Penjagaan dalam pantang merupakan satu amalan tradisional yang penting dalam masyarakat Melayu bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan ibu selepas bersalin. Walaupun amalan ini berakar dalam budaya dan kepercayaan turun-temurun, terdapat keperluan untuk menilai kesesuaiannya dari perspektif Syariah dan perubatan moden. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu Syariah yang berkaitan dengan amalan berpantang wanita Melayu, termasuk aspek pemakanan, penggunaan herba, aktiviti fizikal, pemakaian bengkung, serta kepercayaan terhadap tangkal dan amalan ritual tertentu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan terhadap artikel dan jurnal yang berkaitan bagi mengenal pasti elemen-elemen dalam amalan berpantang yang selari atau bercanggah dengan prinsip Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun sebahagian amalan berpantang memberikan manfaat kesihatan dan selari dengan maqasid Syariah, terdapat juga beberapa kepercayaan dan amalan yang tidak berasaskan dalil yang sahih serta berpotensi membawa unsur khurafat. Kajian ini mencadangkan agar amalan berpantang yang diamalkan oleh wanita Melayu selepas bersalin disesuaikan dengan garis panduan Islam dan bukti saintifik supaya ia dapat terus dipraktikkan dengan lebih berkesan dan beretika. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada wanita Melayu dalam menyesuaikan amalan berpantang mereka agar selari dengan tuntutan Syariah serta memberi manfaat yang optimum kepada kesihatan ibu dan bayi.

**Kata Kunci:** Penjagaan pantang, Syariah, Wanita Melayu, Amalan perubatan tradisional, Kesihatan.

**Abstract:** *Postnatal care is a significant traditional practice in Malay society aimed at ensuring the health and well-being of mothers after childbirth. While this practice is deeply rooted in cultural beliefs and traditions, there is a need to assess its alignment with Syariah principles and modern medical perspectives. This study aims to analyze Syariah-related issues in Malay women's postnatal care practices, including dietary restrictions, the use of herbal remedies, physical activities, the use of postpartum binders, and beliefs in talismans or certain rituals. A qualitative approach was employed, utilizing content analysis of relevant articles and journals to identify aspects of postnatal care that conform to or contradict Islamic principles. Findings indicate that while some confinement practices offer health benefits and align with the objectives of Syariah, others lack authentic religious justification and may contain elements of superstition. This study suggests that Malay women's postnatal practices should be refined in accordance with Islamic guidelines and scientific evidence to ensure they remain effective and ethical. The results of this study are expected to serve as a guide for Malay women in adapting their postnatal care practices to align with Islamic principles while maximizing health benefits for both mother and child.*

**Keywords:** *Postnatal Care, Syariah, Malay Women, Traditional Practices, Health*

## Pendahuluan

Amalan berpantang dalam kalangan masyarakat Melayu telah mengalami transformasi seiring dengan perubahan zaman. Pada peringkat awal, amalan ini dipengaruhi secara dominan oleh kepercayaan tradisional dan adat resam. Namun, dengan kemajuan dalam bidang perubatan serta peningkatan kesedaran mengenai aspek kesihatan, amalan berpantang telah mengalami penyesuaian yang mengintegrasikan prinsip perubatan moden dengan elemen tradisional. Penyesuaian ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan amalan berpantang bukan sahaja dari sudut kesihatan tetapi juga sejajar dengan perkembangan sains perubatan kontemporari serta prinsip Syariah (Mohamed, 2019). Di Negeri Perak, amalan berpantang masih diamalkan secara meluas dengan pelbagai adat dan pantang larang yang dipatuhi oleh wanita selepas bersalin. Namun, seiring dengan perubahan zaman, terdapat kekurangan integrasi antara amalan berpantang tradisional dengan prinsip Syariah serta pendekatan perubatan moden. Jadual 1 menerangkan secara ringkas sorotan literatur bagi amalan berpantang.

**Jadual 1: Sorotan Literatur terhadap Amalan Berpantang**

Artikel	Dapatan	Jurang
<b>Aishah (2012)</b>	Budaya Melayu dalam amalan berpantang mempunyai dua tujuan utama. Pertama, memahami amalan penjagaan kesihatan wanita Melayu semasa dalam pantang dan kedua, menganalisis pengaruh kepercayaan dalam amalan penjagaan kesihatan mereka semasa dalam pantang.	Hanya fokus kepada amalan berpantang kepada penjagaan kesihatan sahaja. Tidak menceritakan berkaitan amalan mistik dan kerohanian serta kearifan tempatan.
<b>Hashimah et.al (2015)</b>	Amalan pantang larang tersebut mempunyai nilai-nilai murni dan pengajaran yang baik kepada masyarakat. Ada di antara pantang	Hanya fokus kepada amalan berpantang sahaja. Tidak

	larang tradisional ini dilihat masih lagi relevan dan boleh dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan seharian dalam masyarakat melayu moden masakini.	dikaitkan dengan Syariah.
<b>Hamidah (2013)</b>	Petua dan pantang larang tradisional masyarakat Melayu Sarawak mempunyai perkaitan rapat dengan unsur-unsur animisme, namun dengan batas dan penyesuaian berlandaskan agama Islam. Selain itu, petua dan pantang larang lama ini dilihat bermanfaat sebagai panduan dan nasihat kepada masyarakat dalam menelusuri alur kehidupan, justeru ada antaranya yang masih diamalkan sehingga kini.	Fokus hanya di Sarawak.
<b>Diana (2018)</b>	Penghasilan bahasa pantang larang ini bukanlah sewenang-wenangnya sebaliknya didasari oleh dua idea utama teori Relevans, iaitu prinsip relevans Kognitif dan prinsip relevans Komunikatif. Bahasa pantang larang yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu ternyata merupakan bentuk bahasa yang bersifat menonjol ataupun nyata (salient) dan dijangkakan dapat menarik perhatian pendengar. Apabila bahasa pantang larang ini dapat menarik perhatian pendengar atas sebab cirinya yang menonjol (salient) ini, maka fungsinya untuk menasihati dan membentuk peribadi masyarakat yang mendukung nilai-nilai murni, beradab dan bertatasusila akan dapat dilaksanakan dengan mudah.	Hanya fokus kepada bahasa pantang sahaja. Tiada menceritakan amalan berpantang dan tidak dikaitkan dengan Syariah.
<b>Ani (2014)</b>	Pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat kini sudah semakin ditinggalkan, namun dari perspektif pemikiran, kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan maka pantang larang harus dipertahankan juga kerana kewujudannya itu bukan sahaja untuk kebaikan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat malah dapat membentuk jiwa manusia yang seimbang.	Tidak menceritakan berkaitan amalan mistik dan kerohanian serta kearifan tempatan.
<b>Lisawati et.al (2017)</b>	Masyarakat di desa Pesisir Timur Kecamatan Siantan Kabupaten Kepulauan Anambas pada tahun 1992-2011 sebahagian daripada mereka tidak lagi menggunakan khidmat bidan untuk bersalin dan kebanyakan mereka sudah pergi ke hospital untuk bersalin. Namun, adat pantang larang tetap dipertahankan dan dipegang bagi budaya pantang selepas bersalin bagi memelihara adat dan budaya.	Lokasi di Indonesia

<b>Salmah (2018)</b>	<b>et.al</b>	Petua dan pantang larang dalam amalan penjagaan kesihatan Wanita Siam terus berkembang dan diamalkan sehingga hari ini kerana ia dipengaruhi oleh adat, nilai, kepercayaan, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diwarisi secara turun temurun.	Memberi fokus kepada wanita Siam tidak sama dengan Wanita Melayu yang dikaji oleh penulis.
<b>Nuriah (2020)</b>	<b>et.al</b>	terdapat hubungan yang signifikan antara pantang makanan dengan lamanya penyembuhan luka perineum di BPM Trismalia Medan Tahun 2019. Hasil kajian menunjukkan dari 31 ibu yang sedang berpantang, 13 responden yang tidak berpantang makanan dan 19 responden berpantang makanan. Bagi 13 responden yang tidak berpantang pantang hanya 1 responden mengalami penyembuhan luka bersalin yang cepat dan 12 lagi responden mengalami penyembuhan luka bersalin yang lambat. Manakala kesemua 19 responden yang berpantang makanan mengalami penyembuhan luka bersalin yang cepat.	Lokasi di Indonesia.
<b>Chemaline (2016)</b>		Dalam kalangan orang Iban, kanak-kanak sangatlah dihargai, maka kemandulan, kegersangan atau ketandusan adalah dianggap sebagai satu sumpahan atau sialan. Oleh itu, wanita mengandung harus mematuhi pantang larang dan sekatan yang khusus supaya anak yang bakal dilahirkan akan sihat dan sempurna anggota badan. Terdapat tiga ritual tradisional yang berkaitan dengan bayi peringkat awal dan penting dilaksanakan oleh orang tuanya terlebih dahulu sebelum anak itu membesar. Pertama ialah 'merasa garam', kedua, memperkenalkan bayi kepada dunia dan 'menamakan anak', dan terakhir, memandikan nanak. Ketiga-tiga ritual ini menandakan penamatan tempoh pantang ibu yang beranak dan menandakan ritual integrasi ibu dan anaknya ke dalam komuniti rumah panjang tersebut.	Memberi fokus kepada wanita Iban tidak sama dengan Wanita Melayu yang dikaji oleh penulis.
<b>Norizan (2015)</b>	<b>et al.</b>	Pemakaian bengkung atau barut ini perlu dipertahankan agar amalan tradisi ini kekal menjadi tradisi turun temurun kerana ia merupakan aset yang tidak ternilai dalam penjagaan kecantikan dan kesihatan orang melayu di Malaysia. pemakaian bengkung tidak harus dipandang remeh kerana kesannya lebih kepada kebaikan untuk tubuh badan.	Hanya fokus kepada pemakaian bengkung bukan kepada amalan

<b>Fadhillah (2018)</b>	Terdapat beberapa alasan seperti budaya, alasan kecantikan, orang tua dan keyakinan serta pengetahuan dari ibu yang sedang berpantang yang mempengaruhi perilaku ibu tersebut dalam melakukan pantang pemakanan dalam tempoh kelahiran di Desa Ngebrak Kecamatan Gampengrejo. Jenis makanan yang digunakan dalam tempoh berpantang kebanyakan mengandung keseimbangan makanan bagi mempercepat proses penyembuhan pasca melahirkan.	Lokasi di Indonesia
<b>Putri (2020)</b>	Ibu yang sedang berpantang tidak mempunyai pengetahuan mengenai pentingnya memakan makanan yang seimbang dalam tempoh kesembuhan luka selepas bersalin. Di Kabupaten Tanah Laut, Provinsi Kalimantan Selatan, responden seramai 30 orang hanya 13 orang sahaja yang ada pengetahuan mengenai diet atau pantang selepas bersalin.	Lokasi yang berbeza dengan lokasi kajian penulis. Hanya mengkaji pengetahuan mengenai berpantang. Tidak menceritakan berkaitan amalan mistik dan kerohanian serta kearifan tempatan.
<b>Maghfirah (2022)</b>	Terdapat hubungan antara pola dan perilaku makan, budaya dan pengetahuan ibu postpartum dengan lama penyembuhan luka episiotomi. Diharapkan kepada perawat memberikan edukasi yang baik tentang pola dan perilaku makan, budaya dan pengetahuan yang mendukung penyembuhan luka episiotomi.	Lokasi yang berbeza dengan lokasi kajian penulis. Hanya mengkaji pengetahuan mengenai berpantang. Tidak menceritakan berkaitan amalan mistik dan kerohanian serta kearifan tempatan.
<b>Yuszaidy (2019)</b>	Perundangan warisan yang tegas mampu memberi perlindungan yang sewajarnya terhadap warisan budaya di Malaysia. Perlindungan tersebut dapat memberikan kestabilan sosial, ekonomi dan politik. Justeru itu, kajian ini dapat memberi impak kepada masyarakat mengenai kepentingan warisan budaya yang perlu diberi perlindungan dan diwarisi generasi seterusnya sebagai kekuatan jati diri masyarakat.	Tidak menceritakan berkaitan amalan mistik dan kerohanian serta kearifan tempatan.
<b>Haljuliza (2019)</b>	Membuktikan bahawa tradisi kelahiran orang Melayu Palembang merupakan hasil akulturasi	Lokasi di Indonesia


antara nilai-nilai Islam dan tradisi yang berlangsung secara gradual dan kontestatif; dan bentuk keberagaman orang Melayu Palembang dalam konteks tradisi kelahiran tidak bersifat tunggal seperti yang digagaskan oleh Geertz, Woodward dan Nur Syam.

<b>Kementerian Kesehatan Malaysia (2017)</b>	terdapat beberapa amalan dalam penjagaan ibu selepas bersalin termasuklah urut; bertungku; mandi teresak (mandi herba); pemakaian barut; berdiang atau bersalai; upacara pelepas; angkat atau mati peranakan; penjagaan pemakanan dan pergerakan semasa tempoh berpantang; pengurusan uri; dan pengurusan bayi	Lebih menyentuh penjagaan ibu dalam berpantang dan penjagaan bayi tetapi tidak menganalisis hukum syarak
<b>Kementerian Kesehatan Malaysia (2015)</b>	Garis panduan penjagaan ibu dan bayi bagi Pengamal Tradisional Postnatal.	Lebih memfokus kepada kesihatan tidak kepada adat dan pantang larang yang lain.

Kesimpulannya, terdapat kajian-kajian lepas yang dijalankan berkaitan adat berpantang dan pengurusan bayi. Namun demikian, kajian lepas tidak menyentuh berkaitan isu-isu syariah dalam amalan wanita berpantang.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kajian ini akan melibatkan analisis terhadap teks. Sumber data utama kepada kajian ini ialah artikel atau jurnal yang berkaitan dengan pengkajian amalan berpantang wanita Melayu selepas bersalin. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini ialah; pertama, analisis teks yang menggunakan pendekatan mengambil sampel teks yang relevan dengan aspek perihal amalan berpantang wanita Melayu selepas bersalin dan isu di sekitarnya. Teknik analisis kandungan untuk mengeluarkan elemen-elemen isu-isu amalan berpantang wanita Melayu selepas bersalin tersebut. Analisis Data pula dilaksanakan dengan cara analisis kandungan iaitu analisis data terhadap teks dari artikel atau jurnal yang berkaitan untuk mengenal pasti isu-isu yang berkaitan amalan berpantang wanita Melayu selepas bersalin yang tidak bercanggah dengan syariah. Teknik analisis hukum digunakan untuk menganalisis isu-isu syariah daripada perspektif hukum Islam.



**Rajah 1 : Metodologi Kajian**

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Definisi Amalan Berpantang, Petua Dan Pantang Larang

Amalan berpantang selepas bersalin dalam masyarakat Melayu sering kali melibatkan tradisi dan kepercayaan yang telah diwarisi turun-temurun. Berpantang membawa maksud sesuatu yang dilarang atau tidak dibenarkan dilakukan. Dalam konteks budaya atau tradisi, ia juga merujuk kepada amalan atau benda yang harus dielakkan kerana dianggap tidak baik atau membawa akibat buruk jika dilakukan (Redaksi, 2023). Sebagai contoh, pantang makan makanan tertentu ketika dalam tempoh berpantang selepas melahirkan anak. Petua pula membawa maksud nasihat atau tips yang diwarisi daripada generasi ke generasi yang dianggap dapat membantu atau memberi kebaikan dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam kesihatan, kecantikan, atau kebersihan. Petua biasanya berkait rapat dengan cara-cara tradisional yang berkesan berdasarkan pengalaman atau kepercayaan masyarakat (Hamidah, 2013).

Pantang larang pula merujuk kepada peraturan atau larangan yang dikenakan dalam budaya atau tradisi tertentu. Ia merangkumi perkara yang dianggap tidak baik untuk dilakukan atau yang boleh membawa keburukan jika dilanggar. Pantang larang boleh melibatkan perkara-perkara berkaitan dengan adat resam, kesihatan, atau norma-norma sosial. Sebagai contoh, ada pantang larang yang melibatkan cara makan, cara berinteraksi dengan orang tua, atau pantang ketika seseorang berada dalam tempoh berpantang selepas bersalin (Ani, 2014). Kesimpulannya, pantang merujuk kepada larangan umum, petua adalah nasihat atau cara-cara praktikal yang dipercayai berkesan dan pantang larang adalah peraturan atau norma yang dilarang dalam sesebuah budaya atau tradisi.

### Aktiviti Fizikal Dalam Amalan Berpantang

Dalam amalan berpantang, wanita sering kali disarankan untuk mengelakkan aktiviti fizikal yang berat atau mandi air sejuk. Kepercayaan ini berakar dalam budaya yang menyatakan bahawa aktiviti tersebut boleh mengganggu penyembuhan. Perubatan moden mengesyorkan aktiviti fizikal ringan secara beransur-ansur untuk memperbaiki peredaran darah, mengurangkan risiko trombosis dan mempercepatkan pemulihan. Saranan untuk mengelakkan aktiviti fizikal sepenuhnya boleh menghalang proses pemulihan yang sihat. Aktiviti fizikal yang ringan selepas bersalin dapat membantu mempercepatkan pemulihan, mengurangkan risiko kemurungan, dan meningkatkan kualiti hidup. Larangan aktiviti fizikal tanpa asas saintifik boleh menjejaskan kesejahteraan ibu (Amy, 2017).

Dalam Islam, aktiviti fizikal dalam amalan berpantang perlu diteliti berdasarkan prinsip maqasid Syariah, iaitu memelihara nyawa (*hifz al-nafs*), memelihara akal (*hifz al-'aql*), dan memelihara kesihatan tubuh badan. Oleh itu, sebarang aktiviti fizikal yang dilakukan oleh wanita dalam tempoh berpantang haruslah bersesuaian dengan keperluan fisiologi, tidak membahayakan kesihatan, dan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Aktiviti fizikal yang dilakukan oleh wanita selepas bersalin memainkan peranan penting dalam proses pemulihan kesihatan. Namun, dalam Islam, sebarang bentuk aktiviti fizikal yang boleh mendatangkan kemudaratan adalah dilarang. Tubuh wanita selepas bersalin memerlukan masa untuk pulih daripada trauma kelahiran, dan aktiviti fizikal yang terlalu berat boleh memberi kesan negatif terhadap pemulihan. Oleh itu, aktiviti fizikal yang melampau atau membebankan, seperti mengangkat objek berat atau melakukan kerja-kerja yang meletihkan, perlu dielakkan. Prinsip ini berlandaskan sebuah hadis yang menyatakan bahawa:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

"Tidak boleh melakukan sesuatu yang memudaratkan diri sendiri atau orang lain"  
(HR. Ibn Majah, No. 2341)

Sebaliknya, Islam menggalakkan aktiviti fizikal yang memberi manfaat kepada kesihatan serta membantu mempercepatkan proses pemulihan. Aktiviti fizikal yang sederhana, seperti berjalan perlahan, melakukan regangan sederhana, dan pergerakan tertentu yang disyorkan oleh pakar perubatan, boleh membantu melancarkan peredaran darah serta mempercepatkan penyembuhan. Nabi Muhammad SAW sendiri menekankan kepentingan menjaga kesihatan tubuh badan melalui sabdanya:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

"Mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada mukmin yang lemah..."

(HR. Muslim, No. 2664)

Oleh itu, aktiviti fizikal yang sederhana dan terkawal, selagi tidak mendatangkan kemudaratan, adalah selari dengan ajaran Islam serta digalakkan dalam tempoh berpantang. Selain itu, Islam turut menekankan kepentingan adab dan penjagaan aurat dalam setiap aspek kehidupan, termasuk aktiviti fizikal wanita selepas bersalin. Oleh itu, sebarang bentuk aktiviti fizikal yang dilakukan haruslah mematuhi etika berpakaian yang menutup aurat serta tidak melibatkan percampuran bebas antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Secara keseluruhannya,



Islam tidak menghalang aktiviti fizikal dalam amalan berpantang selagi ia tidak memudaratkan kesihatan, memberi manfaat kepada pemulihan ibu, dan tidak melanggar prinsip Syariah. Oleh itu, wanita selepas bersalin digalakkan untuk mengamalkan aktiviti fizikal yang sesuai, berdasarkan saranan pakar perubatan, bagi memastikan kesihatan yang optimum selari dengan tuntutan Islam.

### **Penggunaan Herba Semasa Berpantang**

Selain itu, herba seperti kunyit, bawang putih dan halia sering digunakan dalam amalan berpantang untuk tujuan penyembuhan. Amalan ini juga mungkin melibatkan penggunaan jamu atau ramuan tradisional yang dianggap boleh mempercepatkan proses pemulihan. Walaupun beberapa herba mempunyai manfaat yang disokong oleh kajian, penggunaan herba tanpa panduan perubatan boleh menyebabkan kesan sampingan atau interaksi dengan ubat-ubatan moden. Selain itu, tidak semua herba mempunyai bukti saintifik yang kukuh untuk menyokong keberkesanannya dalam konteks perubatan moden (Fadhillah, 2018)..

Penggunaan herba tertentu yang dianggap boleh mempercepatkan pemulihan selepas bersalin, seperti jamu atau ramuan tradisional yang mungkin tidak mempunyai bukti saintifik mengenai keselamatan dan keberkesanannya. Terdapat banyak bahan-bahan herba yang digunakan dalam perawatan Islam tidak disebutkan dalil-dalil syarak terutama sekali bahan-bahan yang bersifat tradisional seperti penggunaan herba tempatan. Ini adalah kerana penggunaan herba dan tumbuhan adalah bersifat holistik (bersifat saling berkait antara satu sama lain). Ini bermakna tumbuh-tumbuhan yang diciptakan Allah SWT dapat dimanfaatkan oleh manusia di samping haiwan (Malik, 2023; Mundhir, 1994). Oleh itu, kaedah asas kepada penggunaan bahan yang diharuskan syarak walaupun tanpa dalil yang jelas adalah semua bahan berkenaan mestilah halal, suci dan bersih tanpa melibatkan unsur-unsur haram walaupun sedikit selain ia juga tidak memberikan kemudahan.

Dalam Islam, penggunaan herba sebagai sebahagian daripada amalan berpantang adalah dibolehkan selagi ia tidak mendatangkan kemudahan dan terbukti bermanfaat kepada kesihatan. Prinsip asas dalam perubatan Islam menekankan aspek keberkesanan dan keselamatan sesuatu rawatan, selari dengan maqasid Syariah yang bertujuan untuk memelihara nyawa (*hifz al-nafs*) dan kesihatan tubuh badan. Penggunaan herba dalam rawatan dan penjagaan kesihatan diakui dalam Islam selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip Syariah dan terbukti berkesan. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

"Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat, serta menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya. Maka, berubatlah kamu, tetapi jangan berubat dengan sesuatu yang haram."

(HR. Abu Dawud, No. 3874)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa Islam menggalakkan usaha mencari rawatan, termasuk melalui penggunaan bahan semula jadi seperti herba. Walau bagaimanapun, penggunaannya haruslah berpandukan prinsip Islam dan tidak membawa kemudahan kepada kesihatan individu yang menggunakannya. Selain itu, Islam melarang segala bentuk rawatan atau pemakanan yang boleh memudaratkan kesihatan, selaras dengan kaedah fiqh yang dibina berasaskan hadis:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

"Tidak boleh melakukan sesuatu yang memudaratkan diri sendiri atau orang lain."  
(Hadis Riwayat Ibn Majah, No. 2341)

Oleh itu, penggunaan herba dalam tempoh berpantang haruslah bebas daripada bahan toksik atau berbahaya serta tidak memberi kesan sampingan yang boleh memudaratkan ibu dan bayi, khususnya bagi ibu yang menyusukan anak. Di samping itu, herba yang digunakan seharusnya selari dengan prinsip perubatan moden, iaitu mempunyai bukti saintifik atau disokong oleh pengalaman perubatan yang menunjukkan keberkesannya dalam membantu pemulihan selepas bersalin. Dalam masa yang sama, Islam menolak sebarang amalan yang berunsur syirik dan khurafat dalam penggunaan herba. Kepercayaan bahawa herba tertentu mempunyai kuasa mistik atau boleh memberi kesembuhan tanpa izin Allah SWT adalah bertentangan dengan akidah Islam. Firman Allah SWT:

وَإِذَا مَرَضْتُ فَبُهِرْتُ

"Dan apabila aku sakit, Dialah (Allah) yang menyembuhkan aku."  
(Surah Ash-Syu'ara': 80)

Oleh itu, umat Islam dilarang bergantung sepenuhnya kepada herba tanpa meyakini bahawa kesembuhan datang daripada Allah SWT. Justeru, amalan penggunaan herba dalam berpantang hendaklah bebas daripada unsur khurafat, seperti pemujaan kepada roh nenek moyang atau penggunaan mantera tertentu yang bercanggah dengan ajaran Islam. Kesimpulannya, Islam membenarkan penggunaan herba dalam tempoh berpantang selagi ia tidak membawa kemudaratkan, terbukti bermanfaat berdasarkan bukti saintifik, serta bebas daripada unsur syirik dan khurafat. Oleh itu, wanita selepas bersalin disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada pakar perubatan atau pengamal perubatan Islam yang bertauliah sebelum mengamalkan sebarang penggunaan herba, agar ia selari dengan tuntutan Syariah serta memberikan manfaat yang optimum kepada kesihatan ibu dan bayi.

### Memakai Bengkung

Wanita selepas bersalin pula mungkin diwajibkan memakai pakaian khas seperti bengkung atau pakaian yang dianggap dapat mempercepatkan pemulihan dan mengembalikan bentuk badan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017). Walaupun tiada ayat Al-Quran atau hadis yang secara khusus menyebut tentang pemakaian bengkung, Islam membenarkan umatnya untuk mengamalkan adat dan tradisi yang tidak bertentangan dengan syariat, selagi mana ia tidak melanggar hukum agama. Hukum pemakaiannya dapat dinilai berdasarkan prinsip-prinsip umum dalam Islam mengenai pakaian dan perubatan.

Tiada ayat khusus dalam Al-Quran yang menyebut mengenai bengkung, namun terdapat beberapa ayat yang memberikan panduan tentang pakaian dan kesihatan, seperti Surah Al-A'raf ayat 26 :

يٰٓبٰنِيٓ اٰدَمَ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلٰيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوَءَاتِكُمْ وَّرِيْشًا ۗ وَلِبَاسُ التَّقْوٰى ذٰلِكَ خَيْرٌ ۗ ذٰلِكَ مِنْ اٰيٰتِ  
اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُوْنَ

*Maksudnya : Wahai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan pakaian kepadamu untuk menutup auratmu dan perhiasan, tetapi pakaian takwa itulah*

yang paling baik. Yang demikian itu adalah tanda-tanda kekuasaan Allah supaya mereka ingat.

Ayat ini menekankan bahawa pakaian yang digunakan untuk menutup aurat adalah perkara yang baik dan dianjurkan. Pemakaian bengkung sebagai salah satu bentuk pakaian untuk tujuan pemulihan selepas bersalin adalah tidak bertentangan dengan prinsip ini selagi ia menutup aurat dan tidak membawa mudarat. Dalam Islam, kita dianjurkan untuk mengelakkan perbuatan yang mendatangkan mudarat kepada tubuh badan. Oleh itu, selagi pemakaian bengkung tidak menyebabkan kecederaan atau kesan buruk kepada kesihatan ibu selepas bersalin, ia tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Kebaikan pemakaian bengkung dipercayai dapat membantu mengempiskan perut dan merampingkan pinggang selepas bersalin. Selain itu dengan memakai bengkung memberikan sokongan kepada struktur tulang dan otot sekitar pinggul dan pinggang dan membantu proses pemulihan selepas bersalin. Kebaikan lain juga dapat mengurangkan sakit pinggang dengan memberikan sokongan tambahan, bengkung dapat membantu mengurangkan sakit pinggang yang sering dialami oleh ibu selepas bersalin (Norizan, 2015).

### Penggunaan Tangkal Dan Azimat

Menurut Nurullah (2020) ada beberapa amalan yang praktikkan di ketika berpantang berpantang antaranya iaitu memakaikan benang hitam sama ada di kaki atau di pergelangan tangan bayi mereka yang masih kecil dengan tujuan untuk menjaga bayi dari terkena penyakit 'ain, gangguan makhluk halus dan seumpamanya (Dahliati, 2023 ; Ihsan, 2024; Hafizah et al, 2023; Zaidi et al., 2024). Kamus Dewan mendefinisikan tangkal sebagai perkara yang digunakan bagi menolak bala seperti penyakit, hantu, jin dan lain-lain (Kamus Dewan, 2007). Tangkal itu biasanya adalah dipakai atau digantung pada leher, atau di tangan, atau pinggang atau kadang-kadang juga diletak di bawah bantal (Malik, 2013). Permasalahan tangkal adalah masalah yang telah lama bertapak dalam masyarakat Arab jahiliah awal sehingga meresap masuk ke alam Melayu malah penggunaannya diterima pakai dan diamalkan oleh masyarakat dahulu hinggalah kepada masyarakat moden (Haron, 2009).

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah RA:

إِنَّ الرُّقَى وَالْتَّمَائِمَ وَالْتَّوَلَةَ شِرْكٌ

Maksudnya : Sesungguhnya jampi mentera (yang tidak Islamik) dan tangkal-tangkal serta ilmu pengasih adalah syirik.

(HR. Abu Dawud , Hadis No. 3883)

Termasuk dalam syirik kecil ialah menggantung tangkal dan azimat bagi tujuan membendung gangguan jin atau mengelakkan terkena penyakit *al-'ain*. Amalan seumpama ini, ditolak dan dibatalkan oleh Islam. Dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَلَا أَمَّ لِلَّهِ لَهُ وَمَنْ تَعَلَّقَ وَدْعَةً فَلَا وَدَعَ اللَّهُ لَهُ

Maksudnya : Sesiapa yang menggantung tangkal. Allah tidak akan menyempurnakannya dan sesiapa yang menggantung *wad'ah*, tidak ada perlindungan baginya.

(HR. Ahmad, No. 17404)

Manakala pengertian azimat (Kamus Dewan, 2007) ialah bahan yang terdiri daripada tulisan yang ditulis pada kertas, kain, keratan kayu tertentu atau sisik tenggiling yang dipakai pada bahagian tertentu tubuh (seperti di pinggang) yang dianggap mempunyai sakti dan boleh mengelakkan penyakit, bencana dan sebagainya. Selain itu juga ia boleh ditakrifkan sebagai jampi atau memohon pertolongan atau bantuan untuk memperolehi sesuatu perkara dengan menggunakan kekuatan yang melampaui kekuatan tabii (Ibrahim, 1960). Justeru itu, secara kesimpulannya pengertian bagi azimat adalah suatu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudaratkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa-kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semulajadi (tabii) apabila dijampi atau dipuja (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2012).

### **Mandi Safar bagi Bayi**

Menurut kajian Hijjatul (2023) menyatakan upacara mandi safar akan dilaksanakan apabila anak yang lahir di bulan safar. Tradisi ini dilakukan kerana masyarakat banjar percaya bahawa Safar adalah bulan yang panas atau bulan yang kurang baik sehingga anak yang lahir di bulan ini akan memiliki tabiat yang buruk. Jika tradisi ini tidak dilakukan akan membawa perkara buruk pada kehidupan anak tersebut. Keluarga anak tersebut terutama ibu bapanya perlu melakukan upacara ritual mandi safar untuk menghilangkan tabiat buruk itu, jika tidak menjalankan upacara ini, kehidupannya akan menjadi susah di kemudian hari. Mandi Safar bagi bayi merupakan satu amalan tradisional dalam masyarakat Melayu yang dipercayai dapat menghindarkan bayi daripada gangguan atau musibah, khususnya bagi bayi yang lahir dalam bulan Safar. Dalam amalan ini, bayi dimandikan dengan air tertentu, sering kali dicampur dengan bahan seperti daun bidara atau limau purut, sambil dibacakan doa atau jampi tertentu (Jufrizal, 2024; Yohana et al., 2024). Mandi Safar adalah satu amalan turun menurun masyarakat Melayu di mana diadakan temasya mandi-manda yang ada di adakan pada hari Rabu yang terakhir di dalam bulan Safar dengan tujuan menolak bala. Pada pagi tersebut orang ramai mandi di pantai atau sekurang-kurangnya minum air yang telah direndam kertas safar atau papan kecil yang ditulis kalimat suci. Air ini dikenal sebagai air safar (Jufrizal, 2024).

Kepercayaan ini tidak selari dengan prinsip Islam. Ini dapat dibuktikan dengan Sabda Rasulullah SAW:

لا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ وَلَا صَفَرَ وَلَا هَامَّةً

Maksudnya: "Tidak ada penyaki yang berjangkit, tidak ada kepercayaan bahawa haiwan memberi manfaat dan mudarat, tidak ada kesialan dalam bulan safar dan tidak ada juga kepercayaan datangnya malapetaka disebabkan burung hantu"

(HR. Bukhari : Hadis no. 5757)

Amalan ini melibatkan upacara khusus yang bertujuan menolak bala dan musibah serta dilaksanakan pada bulan Safar. Kepercayaan sebegini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa bulan Safar dianggap sebagai bulan sial dan membawa musibah, sepertimana kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Arab Jahiliah pada zaman dahulu. Namun, Islam menolak kepercayaan tersebut kerana ia bertentangan dengan prinsip tauhid, dan Rasulullah SAW telah melarang sebarang kepercayaan yang mengaitkan bulan tertentu dengan

kehadiran musibah. Walau bagaimanapun, jika amalan mandi tersebut hanya dilakukan untuk tujuan kebersihan atau sebagai satu adat tanpa disertai kepercayaan untuk penyingkiran musibah, ia diharuskan selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Dalam hal ini, Islam membenarkan penggunaan bahan semula jadi seperti daun bidara dalam amalan mandi, sebagaimana disebut dalam beberapa riwayat bahawa bahan tersebut boleh digunakan sebagai sebahagian daripada proses pembersihan diri.

### **Majlis Berendoi Dalam Amalan Pantang**

Majlis berendoi di Malaysia adalah salah satu tradisi yang sering diadakan selepas bayi dilahirkan, terutamanya selepas 44 hari (atau lebih awal dalam beberapa kes), sebagai tanda penyambutan, kasih sayang, dan doa bagi kesejahteraan bayi. Tradisi ini mempunyai pelbagai elemen yang melibatkan adat budaya Melayu yang kaya dengan simbolik dan nilai keagamaan. Majlis berendoi diadakan dengan penuh meriah, dengan tujuan untuk memberikan keberkatan dan melindungi bayi yang baru lahir. Majlis ini biasanya dijalankan selepas bayi berusia 44 hari, atau setelah selesai tempoh berpantang ibu. Dalam tradisi Melayu, 44 hari dianggap sebagai tempoh yang signifikan dalam proses pemulihan ibu dan peralihan bayi ke dunia luar (Halim, 2006; Hasmah, 2021).

Buaian digunakan dalam majlis berendoi. Buaian ini dihias dengan kain yang cantik dan kadang-kadang dihias dengan bunga atau perhiasan lain. Ada yang menggunakan buaian yang digantung atau diletakkan di atas lantai. Tujuan buaian ini adalah untuk menenangkan bayi melalui pergerakan lembut, yang mengingatkan bayi kepada pergerakan dalam kandungan ibu (Idayu et al., 2022; Sakinah et al., 2023). Buaian biasanya dihias dengan kain satin atau kain bercorak, manakala rumah atau ruang yang digunakan untuk majlis ini dihias dengan bunga, kadang-kadang dengan kain merah, putih, atau kuning yang melambangkan kesejahteraan dan keberkatan. Selain buaian, peralatan lain yang digunakan adalah seperti rebana, gamelan dan alat muzik lain yang dimainkan semasa upacara marhaban atau syair. Isu-isu fiqh juga timbul mengenai Dalam beberapa majlis berendoi, ada yang meletakkan lapisan kain tertentu atau menggunakan kemenyan atau bahan yang berbau wangi sebagai simbol atau untuk memberikan perlindungan kepada bayi. Kemenyan kadang-kadang dibakar sebagai sebahagian daripada ritual jampi (Nureeyan, 1999; Sarah et al., 2020).

Amalan berendoi yang melibatkan ritual khusus yang dilakukan dengan niat untuk mendapatkan berkat atau perlindungan dari entiti selain Allah SWT, seperti mengadakan upacara di tempat-tempat tertentu yang dipercayai mempunyai kekuatan mistik merupakan bentuk syirik yang perlu dijauhi. Islam melarang segala bentuk ritual yang melibatkan entiti selain Allah SWT dan segala amalan harus dilakukan dengan niat yang murni dan bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT. Jika majlis tersebut tidak mengandungi apa-apa yang unsur-unsur syirik dan hanya berdoa dan berzikir adalah dibolehkan. Majlis berendoi merupakan salah satu tradisi dalam masyarakat Melayu yang biasanya diadakan bagi menyambut kelahiran bayi, khususnya selepas aqiqah. Dalam majlis ini, bayi diletakkan di dalam buaian sambil diperdengarkan bacaan marhaban, selawat, dan syair yang mengandungi nasihat keibubapaan serta doa kesejahteraan untuk bayi. Dari perspektif Islam, hukum majlis berendoi bergantung kepada bentuk pelaksanaannya. Jika majlis ini dilakukan selaras dengan prinsip Syariah, ia dibolehkan. Namun, jika terdapat unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam, maka ia perlu dielakkan.

Majlis berendoi juga diadakan untuk meraikan kelahiran bayi. Islam menggalakkan umatnya menzahirkan kesyukuran atas kelahiran cahaya mata melalui amalan seperti *tahnik*, memberikan nama, akikah, dan mencukur rambut bayi, yang disunatkan dilakukan pada hari ketujuh kelahiran. Jika majlis berendoi diadakan dengan tujuan mengeratkan silaturahmi dan diisi dengan amalan bermanfaat seperti bacaan selawat, marhaban, doa selamat, serta perkongsian ilmu keibubapaan menurut ajaran Islam, ia dianggap harus kerana tidak bercanggah dengan syariah. Namun, jika majlis tersebut mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam, seperti kepercayaan karut, percampuran bebas antara lelaki dan wanita tanpa penjagaan aurat, atau pembaziran yang melampau, ia menjadi tidak dibenarkan. Islam melarang pembaziran dalam setiap perkara, sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ

"Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan."

(Surah Al-Isra':27)

Oleh itu, adalah penting memastikan majlis berendoi dilaksanakan selari dengan nilai-nilai Islam dan bebas daripada unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah. Secara asasnya, majlis berendoi adalah harus dalam Islam selagi ia tidak mengandungi unsur khurafat, percampuran bebas, atau pembaziran. Jika ia diadakan dengan tujuan meraikan kelahiran bayi sambil diisi dengan bacaan selawat, doa, dan nasihat keibubapaan yang bermanfaat, maka ia selari dengan nilai Islam. Namun, jika majlis ini dijadikan satu kepercayaan wajib atau mengandungi unsur yang bercanggah dengan Syariah, maka ia perlu dielakkan.

### Kesimpulan dan Saranan

Kajian ini mendapati bahawa amalan berpantang wanita Melayu selepas bersalin mengandungi unsur-unsur yang bermanfaat dari segi kesihatan dan selari dengan prinsip maqasid Syariah, namun terdapat juga beberapa kepercayaan dan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Amalan seperti pemakaian bengkung dan pengambilan herba tradisional dapat diteruskan selagi ia tidak mendatangkan kemudharatan serta disokong oleh bukti saintifik. Namun, kepercayaan kepada tangkal, azimat, serta ritual yang tidak bersumberkan dalil yang sahih perlu dielakkan kerana ia boleh membawa unsur khurafat dan syirik. Sebagai saranan, amalan penjagaan pantang perlulah berdasarkan panduan Islam dan penemuan saintifik agar ia dapat diamalkan dengan lebih berkesan dan beretika. Institusi keagamaan dan kesihatan boleh bekerjasama untuk menyediakan garis panduan yang jelas mengenai amalan berpantang yang menepati syarak dan saintifik. Selain itu, pendidikan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat perlu dipertingkatkan melalui kursus atau bahan bacaan yang membimbing ibu selepas bersalin ke arah amalan yang lebih selamat dan berlandaskan Islam. Dengan ini, amalan berpantang wanita Melayu dapat terus diwarisi tanpa menjejaskan akidah dan kesejahteraan ibu serta bayi.

## Rujukan

- Redaksi. (2023, 3 Januari). Pantang larang. kosabudaya. *ID online*.  
<https://kosabudaya.id/matabudaya/pantang-larang/> .
- Ani Hj. Omar. (2014). Pantang larang dalam kalangan Melayu : Analisis dari perspektif teori SPB4K. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 76-94.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). Petua dan pantang larang tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 89-97.
- Mama Amy.(2017, 20 September) 13 Pantang Larang ketika berpantang. Website Momma.  
[https://www.momma-nutrition.com/13-pantang-larang-ketika-berpantang/?utm\\_source=](https://www.momma-nutrition.com/13-pantang-larang-ketika-berpantang/?utm_source=)
- Malik Faisal. (2013). *Jampi jelmaan Al-Quran & Hadis*. PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abu Mundhir Khalil Ibrahim Amin. (1994). *al-Turuq al-hisan fi 'ilaj amrad al-jan*. ed. Wahid 'Abd al-Salam Bali. Maktabah al-Sahabah.
- Norizan Sajar, Arba'iyah Ab. Aziz & Asliza Aris. (2015). Reka bentuk bengkung alam Melayu. *eproceedings International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015)*, 318-328.
- Is Fadhillah. (2018). Perilaku ibu Nifas tentang pantang makan di Desa Ngebrak Kecamatan Gampengrejo Kabupaten Kediri. *Jurnal Keperawatan*, 9(2), 100-108.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). *Amalan perubatan tradisional melayu bagi penjagaan ibu-ibu selepas bersalin di negeri Kelantan*. Kementerian Kesihatan Malaysia
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Ke-4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malik Faisal Abdul Wahab. (2013). *Jampi Jelmaan al-Quran dan Hadis, membongkar rahsia alam jin dan sihir*. PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Haron Din. (2009). *Menjawab persoalan makhluk halus: Kaitannya dengan penyakit dan pengubatan*. cet. 3. Darussyifa'.
- Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari. (2009). *Isu-isu fiqh halal dan haram semasa*. Al-Risalah Publication.
- Ibrahim Mustafa et al. (1960). *Mu'jam al-wasit*. Maktabah al-Islamiyyah.
- Dahliati Simanjuntak. (2023). Pemahaman masyarakat kampung lama terhadap pemakaian gelang hitam pada bayi perspektif al-Qur'an. *Jurnal Kajian al-Quran dan Hadis*, 4(1), 89-100.
- Nurullah & Ari Handasa. (2020). Penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai Jimat. *Tafsé: Journal Of Qur'anic Studies*, 5(2), 82-97.
- Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2012). *Garis panduan khurafat & azimat*. Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Hijjatul Alawiah. (2023). Upacara Batimbang anak yang lahir di bulan safar sebagai sumber pembelajaran IPS. *Seri Publikasi Pembelajaran*, 1(1), 1-14.
- Jufrizal & Zainal Azwar. Batimbang Salah in the customary court. *Minhaj : Jurnal Ilmu Syariah*, 5(2), 222-242.
- Yohana Mega Nanda, Lilik Andaryuni & Ashar Pagala. (2024). Budaya Batimbang pada bayi yang lahir dibulan safar pada masyarakat Sangasanga. *Bulletin of Community Engagement*, 4(3), 534-543.
- Wan Hasmah Wan Teh. (2021). Berendoi: Acara naik buai, syair nasihat dan kesyukuran. *Jurnal Warisan Tidak Ketara*, 1, 211-221.
- Nor Idayu Ibrahim, Muhammad Salehuddin Zakaria, Nasaie Zainuddin, Muhammad Hisyam Zakaria. (2022). A Study on children customary clothes in malay head shaving - cukur jambul ceremony for the Malay royal tradition. *Idealogy Journal*, 7(2), 50-58.
- Noor Sarah Abu Kassim & Norazimah Zakaria. (2020). Citra dakwah dalam lirik puisi endoi. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 31, 89-111.